



SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hakcipta dan susun atur litar bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun dan mempertingkatkan infrastruktur serta menambahbaik perundangan harta intelek dengan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek.

Seiring dengan pencapaian MyIPO yang dinamik, kami mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang mempunyai kebolehan serta memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di **Ibu Pejabat MyIPO, Kuala Lumpur**.

SYARAT-SYARAT ASAS

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint* serta berpengalaman menggunakan sistem/ aplikasi yang melibatkan perniagaan korporat;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkeyakinan tinggi;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum;

- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja tanpa mengira masa;
- **Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;**
- **Warganegara Malaysia;**
- Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup iklan; dan
- Kemahiran berkomunikasi di semua peringkat.

1. KETUA JURUAUDIT – 1 KEKOSONGAN (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelekt
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP5
Skala Gaji	:	RM8,264.00 – RM14,102.00

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertugas di Bahagian Audit Dalam & Pengurusan Kualiti;
- Bertindak sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Audit MyIPO, serta melaksanakan segala tindakan yang perlu diambil dalam penyelenggaraan Mesyuarat Jawatankuasa Audit;
- Menyediakan Rancangan Tahunan untuk pertimbangan Ketua Pengarah dan kelulusan Jawatankuasa Audit;
- Menjalankan kerja-kerja audit pengurusan, kewangan dan operasi;
- Menyediakan laporan untuk Jawatankuasa Audit dan Ketua Pengarah dalam hal-hal kewangan, pengurusan, operasi dan lain-lain;
- Memberi pandangan mengenai kawalan dalaman dan amalan pengurusan serta memberi cadangan-cadangan yang selaras dengan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan;
- Memastikan tugas-tugas pentadbiran, pengurusan dan kewangan berjalan dengan lancar, dan menepati prosedur atau polisi yang sedia ada;
- Meneliti dan mengawasi pematuhan kepada pengauditan piawaian dan etika perkhidmatan;
- Menyelaras tugas Bahagian Audit Dalam dengan Audit Luar;
- Mencadangkan dan memastikan program audit dan sasaran kerja tahunan dilaksanakan;
- Menyelaras kerja-kerja Pengurusan Risiko di MyIPO;
- Menjalankan lain-lain arahan daripada Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah atau Pengurusan Tertinggi dari semasa ke semasa; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

KELAYAKAN:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia; dan
- Mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai Juruaudit sekurang-kurangnya lapan (8) tahun; dan
- Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENTING: Pemohon hendaklah menyertakan Surat Akuan Pengiktirafan Diploma/Ijazah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>).

2. PEKERJA SAMBILAN HARIAN - 7 KEKOSONGAN (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP10
Skala Gaji	:	RM87.00 sehari

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertugas di Bahagian Formaliti Paten & Pendaftaran Antarabangsa;
- Memasukkan data abstrak;
- Mengimbas permohonan baharu paten dan perbaharuan utiliti;
- Pemberian geran paten dan penggabungan spesifikasi paten;
- Pengeluaran notis pembaharuan paten/utiliti dan data prioriti;
- QC fail pelupusan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

KELAYAKAN:

- Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- Sijil Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Berkemahiran dalam penggunaan komputer (*Ms Office Word, Excel, Power Point* dan lain-lain).

PENTING: Pemohon hendaklah menyertakan Surat Akuan Pengiktirafan Diploma/Ijazah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>)

3. PEKERJA SAMBILAN HARIAN - 6 KEKOSONGAN (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP10
Skala Gaji	:	RM87.00 sehari

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertugas di Bahagian Komunikasi Korporat;
- Menerima panggilan telefon (help desk) yang disambungkan telefonis bagi menjawab semua pertanyaan berkaitan harta intelek;
- Membuat semakan melalui sistem SPHI berkaitan status permohonan;
- Melaksanakan *tele-marketing* khususnya bagi pendaftaran Cap Dagangan yang telah dan akan tamat tempoh;
- Memasukkan dan melengkapkan butiran permohonan baharu ke dalam SPHI untuk tujuan carian;
- Memasukkan data-data permohonan yang difailkan secara manual di kaunter bagi memenuhi kehendak SPHI sebelum resit bayaran dapat dikeluarkan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

KELAYAKAN:

- Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- Sijil Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Berkemahiran dalam penggunaan komputer (*Ms Office Word, Excel, Power Point* dan lain-lain); dan
- Mempunyai pengalaman dalam bidang pemasaran, *tele-marketing* atau jualan sekurang-kurangnya satu (1) tahun akan diberi keutamaan.

PENTING: Pemohon hendaklah menyertakan Surat Aduan Pengiktirafan Diploma/Ijazah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>).

4. PEKERJA SAMBILAN HARIAN - 6 KEKOSONGAN (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP12
Skala Gaji	:	RM65.00 sehari

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertugas di Bahagian Hak Cipta atau Bahagian Pembangunan Perniagaan atau Bahagian Sumber Manusia;
- Membantu tugas-tugas perkeranian seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail, mengimbas dokumen dan memasukkan data ke dalam sistem;
- Membantu merekodkan data secara manual;
- Berkebolehan mengendalikan aplikasi sistem komputer dengan baik; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

KELAYAKAN:

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Berkemahiran dalam penggunaan komputer (*Ms Office Word, Excel, Power Point* dan lain-lain).

Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MyIPO** yang boleh diperolehi dengan memuat turun di laman web MyIPO bersama-sama sesalinan sijil-sijil dan gambar berukuran pasport terkini.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat dan menyerahkan borang tersebut **selewat-lewatnya pada 01 Ogos 2019** kepada:

**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
UNIT B-18-1, MENARA UOA BANGSAR
NO. 5 JALAN BANGSAR UTAMA 1
59000 KUALA LUMPUR
(u.p.: Bahagian Sumber Manusia)**

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.